

# 200 nelayan masih boleh turun ke laut

**Kota Bharu:** Hampir 200 nelayan di Kampung Pulau Gajah di sini masih dapat melakukan rutin harian mencari hasil laut walaupun musim Monsun Timur Laut (MTL) diramalkan bermula bulan ini.

Yusoh Omar, 64, berkata, pada Oktober tahun lalu, dia dan rakan-rakan sudah tidak boleh turun menangkap ikan kerana hujan lebat dan laut bergelora yang membahayakan keselamatan mereka.

“Alhamdulillah, setakat hari ini saya dan rakan-rakan nelayan yang lain masih dapat turun ke laut untuk mencari rezeki, malah kami sentiasa berwasapa serta mengambil maklum situasi semasa mengenai MTL.

“Kalau nak dibandingkan tahun lalu, bulan Oktober memang dah tak boleh turun ke laut sehingga

kami terpaksa isi masa lapang dengan jahit pukut, baiki bot dan sebagainya,” katanya ditemui di kampung berkenaan, semalam.

Turut senada, Zakaria Abd Rahman, 67, berkata, walaupun hasil tangkapan

ikan tahun ini tidaklah terlalu banyak berbanding tahun sebelumnya, dia tidak pernah pulang dengan ‘tangan kosong’ dan mampu untuk menyara keluarganya.

“Semasa turun ke laut, kami akan beli minyak diesel RM20 untuk

pergi dan balik, pendapatan kami dapat kira-kira RM700 sebulan, jadi hasil yang dapat ini betul-betul cukup makan sahaja, nak menyimpan tu susah sikitlah.

“Tahun ini boleh dikatakan agak mencabar jugalah untuk kami para nelayan kerana banyak faktor luar jangka berlaku di laut mungkin kerana peruba-

han cuaca dan sebagainya,” katanya yang menjadi nelayan lebih 40 tahun lalu.

Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) sebelum ini menasihati orang ramai supaya sentiasa peka dengan perubahan cuaca, susulan jangkaan empat hingga enam episod hujan lebat melanda negara bermula November 2023 hingga Februari 2024 yang berpotensi mengakibatkan banjir di kawasan berisiko.

**Monsun Timur Laut (MTL) diramalkan bermula bulan ini**